

Izz Imil lepas tiga peperiksaan khas untuk ke tingkatan satu

Genius 6 tahun masuk Kolej Permata Pintar

Oleh ZUHAYATI YAZID
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 15 JAN.

BAGI kanak-kanak seusianya, pembelajaran lebih tertumpu untuk mengenal huruf dan nombor asas tetapi tidak bagi Izz Imil Shahrum.

Kanak-kanak pintar berusia enam tahun itu hari ini mendaftar sebagai pelajar Asas 1 (tingkatan satu) di Kolej Permata Pintar UKM dekat sini.

Melihat keletahannya yang tidak duduk diam, tiada siapa menjangka kanak-kanak berusia enam tahun itu sebenarnya mempunyai pemikiran luar biasa kerana mampu membaca dan mengira dengan tepat, malah boleh bercerita tentang biografi ahli cendekiawan seperti Alexander Graham Bell.

Hari ini, anak tunggal kepada pasangan Ilya Abdul Aziz dan suaminya, Shahrum Abdul Ghani itu menjadi sebahagian daripada 119 pelajar Asas 1 dan 18 orang lagi pelajar Tahap 1 (tingkatan empat) yang mendaftar ke Kolej Permata Pintar UKM di kampus Bangi untuk mengikuti pembelajaran bagi sesi 2018.

Pengarah Pusat Permata Pintar UKM, Prof. Datuk Dr. Noriah Mohd. Ishak berkata, pelajar berkenaan berjaya melepasi tiga peperiksaan khas sebelum diterima masuk sebagai pelajar di kolej tersebut dan merupakan pelajar paling muda sejak kolej itu ditubuhkan kira-kira sembilan tahun lalu.

"Izz Imil memiliki kehebatan dan kebolehan luar biasa untuk menguasai pengetahuan yang lebih tinggi walaupun usianya baharu mencecah enam tahun.

"Pemikirannya menyerupai remaja berusia 16 tahun, sebab itu kita berkeyakinan dia mampu



IZZ IMIL SHAHRUM

mengikuti pembelajaran di sini," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas Sesi Taklimat Pelajar Baharu Kolej Permata Pintar UKM di kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, dekat sini hari ini.

Menurutnya, selepas meneliti dari semua aspek, pihak kolej menetapkan, Izz Imil mampu mengambil dua mata pelajaran iaitu Matematik dan Kimia dan dalam masa sama akan dipantau dari semasa ke semasa sama ada boleh ditambah subjek lain atau tidak.

Yang turut hadir, Pengerusi Persatuan Muafakat Kolej Permata Pintar UKM, Dr. Azman Hamzah dan Pengarah Pusat Psikologi Persatuan Psikologi Amerika Syarikat (APA), Dr. Rena F. Subotnik.

Norrah berkata, pelajar pintar yang menetap di Setiawangsa itu akan berulang alik ke sekolah dan tidak menginap di asrama seperti pelajar lain.

Sementara itu, Ilya yang juga

pakar geologi dengan sebuah syarikat gas dan minyak di sini berkata, dia mula menghantar anaknya ke sekolah sejak berusia empat tahun lagi dan sejak itu, sering bertukar-tukar sekolah kerana bosan dengan silibus pembelajaran ditawarkan.

Beliau berharap anaknya dapat meneruskan persekolahan di kolej berkenaan tanpa sebarang masalah.

Dalam perkembangan lain, Norrah berkata, sebanyak 20 buah negara yang kebanyakannya dari Asia Barat termasuk Kuwait, Algeria, Jordan sudah mencontohi sistem pembelajaran yang diamalkan di Kolej Permata Pintar UKM.

"Terbaharu, Kementerian Pendidikan Kuwait datang bagi melihat konsep pembelajaran di sini dan guru-guru mereka turut ditempatkan kolej ini untuk melihat sendiri dan memastikan pedagogi yang diamalkan dapat diadaptasi secara berkesan oleh mereka," ujarnya.